



UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)

MAMPU

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dalam **Kelas 1 (Elektrik) kepala VII Sub-Kepala 1,2,3,4,5,14 & 15** atau berdaftar dengan **PKK** dalam **Kelas D (Mekanikal) Kepala III, Sub-Kepala 1(a) & 10** dan berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** bagi menyertai tender berikut:

| NO. TENDER | TAJUK | KOD BIDANG PENDAFTARAN |
|-------------------------|---|---|
| MAMPU/BEK/7/2008 | MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH PERALATAN INFRASTRUKTUR PUSAT DATA SSO, MAMPU DI ARAS 1, BLOK 2M11, PRESINT 2 DAN DI ARAS -2, BLOK B8, KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PUTRAJAYA. | Berdaftar dengan PKK dalam Kelas 1 (Elektrik) Kepala VII Sub-Kepala 1,2,3,4,5,14 & 15 atau Berdaftar dengan PKK dalam Kelas D (Mekanikal) Kepala III, Sub-Kepala 1(a) & 10 dan Berdaftar dengan CIDB. |

Sekiranya petender tidak berdaftar dengan salah satu Kepala dan Sub-Kepala tersebut, petender yang berjaya perlu melantik subkontraktor yang berdaftar dalam bidang berkenaan.

Dokumen Tender boleh diperoleh pada waktu pejabat seperti berikut:

Tarikh jualan : 21 Julai 2008 (Isnin) hingga 11 Ogos 2008 (Isnin)

Masa jualan : Isnin hingga Khamis : 8:30 pagi – 12:30 tengah hari dan
2:00 petang – 4:30 petang
Jumaat : 8:30 pagi – 12:15 tengah hari dan
2:45 petang – 4:30 petang

Dokumen Tender tersebut boleh diperoleh di Ibu Pejabat Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia, Aras 6, Blok B2, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya dengan menunjukkan **SIJIL PENDAFTARAN ASAL** daripada **PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR** dalam kod bidang seperti di atas yang masih belum tamat tempoh dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh **PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR** dan **SIJIL PENDAFTARAN ASAL** daripada **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**. Satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan juga perlu dibawa semasa membeli Dokumen Tender dan diserahkan kepada MAMPU dan tidak akan dikembalikan.

Dokumen Tender boleh dibeli dengan harga **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)** senaskah yang tidak akan dikembalikan. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Kiriman Wang (*Money Order*) / Bank Draf / Wang Pos atas nama Ketua Pengarah MAMPU. Wang Tunai/Cek tidak diterima.

Satu sesi taklimat tender dan lawatan tapak akan diadakan pada **30 Julai 2008 (Rabu), pukul 10:00 pagi** bertempat di **Bilik Mesyuarat Utama, Aras 6, Blok B2, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya**. Kehadiran dihadkan kepada dua (2) orang wakil sahaja bagi setiap syarikat. Kehadiran hendaklah disahkan dengan mengembalikan borang kehadiran seperti di **Lampiran D-5 di dalam dokumen tender sebelum 28 Julai 2008**.

Hanya syarikat yang membeli dokumen tender dan menghadiri taklimat tender serta lawatan tapak sahaja dibenarkan untuk membuat tawaran. Syarikat Induk atau anak syarikat penender yang tidak membeli dokumen tender **TIDAK DIBENARKAN** untuk membuat salinan tender dan membuat tawaran.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tender dan dimasukkan ke dalam Peti Tender yang ditetapkan di **Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia, Aras 6, Blok B2, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya** sebelum atau pada **11 Ogos 2008 pukul 12:00 tengah hari**. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.